

02 AUG 2002
Cuepacs-Bonus
CUEPACS HARAP BONUS DUA BULAN GAJI

KUALA LUMPUR, 2 Ogos (Bernama) -- Kongres Kesatuan Pekerja di Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) berharap 960,000 kakitangan perkhidmatan awam akan diberi bonus sebanyak dua bulan gaji tahun ini.

Setiausaha Agungnya Abdul Rahman Manan berkata, permohonan Cuepacs mengenai bonus itu telah diserahkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Menteri Kewangan baru-baru ini.

"Kita berharap bonus untuk kakitangan awam tidak akan tercicir tahun ini kerana ia penting bagi kakitangan awam sebagai persediaan untuk persekolahan anak-anak mereka," katanya ketika dihubungi hari ini.

Belanjawan 2003 negara akan dibentangkan di Parlimen pada 20 Sept depan.

Abdul Rahman berkata, Cuepacs mengemukakan permohonan dua bulan bonus itu kerana yakin dengan kemampuan kerajaan berikutan dengan pertumbuhan ekonomi negara.

Katanya, kerajaan masih mampu memberikan wang imbuhan itu sebelum ini walaupun pernah menghadapi kegawatan ekonomi.

Ketika membentangkan Belanjawan 2002 tahun lepas, Dr Mahathir mengumumkan pemberian bonus setengah bulan gaji atau sekurang-kurangnya RM1,000 kepada kakitangan perkhidmatan awam dan kenaikan gaji pokok 10 peratus mulai Jan lepas.

Abdul Rahman berkata, Cuepacs juga yakin bahawa kakitangan perkhidmatan awam sanggup memberikan komitmen yang lebih tinggi setelah kerajaan bersetuju menggantikan Sistem Saraan Baru (SSB) dengan Sistem Saraan Malaysia (SSM) mulai 1 Nov depan.

Katanya, persetujuan kerajaan menggantikan SSB dengan SSM tiada kaitan dengan tuntutan Cuepacs mendapatkan bonus itu.

Sementara itu beliau berkata, Cuepacs menerima banyak panggilan daripada kakitangan Kumpulan Sokongan yang tidak berpuashati dengan peningkatan mata gaji yang hanya RM15 bagi kumpulan itu.

Katanya, perbezaan kenaikan mata gaji antara Kumpulan Sokongan begitu jauh berbanding RM65 bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta RM110 bagi Kumpulan Pengurusan Tertinggi.

Beliau berkata, Cuepacs akan mengadakan pertemuan dengan Jabatan Perkhidmatan Awam bagi memberi taklimat mengenai SSM kepada pemimpin kesatuan sekerja pada 20 Ogos ini.

Cuepacs kemudiannya akan mengadakan mesyuarat khas selepas itu bagi mendapatkan reaksi daripada pemimpin kesatuan sekerja serta kemungkinan terdapat cadangan meminda beberapa perkara yang tidak dipersetujui yang terkandung dalam SSM.

"Bagaimanapun kita berharap semua pihak akan menerima sistem yang baru ini setelah sekian lama kita meminta kerajaan menggantikan SSB, tetapi kemungkinan ada pindaan untuk SSM," katanya.

Isnin lepas Dr Mahathir mengumumkan penggantian SSB kepada SSM itu yang akan bersandarkan kepada peningkatan kecekapan dan pengetahuan kakitangan perkhidmatan awam bagi tujuan pengembangan kerjaya dan peningkatan saraan.

-- BERNAMA
RZS AZH ZB